



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

TEKNIK PEMIKIRAN KREATIF SIMBOL SYILING DALAM PEMBELAJARAN DAN PEMUDAHCARAAN (PDPC) MENGKAJI PROSA MELAYU TINGKATAN ENAM



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

JOYANA DILAM ANAK CLEMENT

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2024



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



TEKNIK PEMIKIRAN KREATIF SIMBOL SYILING DALAM PEMBELAJARAN
DAN PEMUDAHCARAAN (PDPC) MENKKAJI PROSA MELAYU TINGKATAN
ENAM

JOYANA DILAM ANAK CLEMENT



DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(KESUSASTERAAN MELAYU)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)

FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2024





Sila tanda (✓)

Kertas Projek

Sarjana

Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus /

Doktor Falsafah

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 09 (hari bulan) Julai (bulan) 2024

i. Perakuan pelajar :

Saya, JOYANA DILAM ANAK CLEMENT, M20211002242, FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawadisertasi/tesis yang bertajuk TEKNIK PEMIKIRAN KREATIF SIMBOL SYILING DALAM PEMBELAJARAN

DAN PEMUDAHCARAAN (PDPC) MENGAJI PROSA MELAYU TINGKATAN ENAM

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan se jelasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, DR. ROHAYATI BINTI JUNAIDI (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk TEKNIK PEMIKIRAN KREATIF SIMBOL SYILING DALAM PEMBELAJARAN DAN PEMUDAHCARAAN (PDPC) MENGAJI

PROSA MELAYU TINGKATAN ENAM

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah

SARJANA PENDIDIKAN KESUSASTERAAN MELAYU

(SILA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

9 JULAI 2024

Tarikh

Tandatangan Penyelia

**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**
**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: TEKNIK PEMIKIRAN KREATIF SIMBOL SYILING DALAM PEMBELAJARAN
DAN PEMUDAHCARAAN (PDPC) MENGAJI PROSA MELAYU TINGKATAN
ENAM

No. Matrik / Matric's No.: M20211002242

Saya / I: JOYANA DILAM ANAK CLEMENT
(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-
acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.

4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

☐ **SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

☐ **TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

☐ / **TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**


(Tandatangan Pelajar/ Signature)



Dr Rohayati Junaedi
Jabatan Bahasa dan Kesusastraan Melayu
Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 Tanjong Malim, Perak

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh: 9 JULAI 2024

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syukur kepada Tuhan kerana memberikan kekuatan kepada diri saya untuk menyiapkan penulisan disertasi ini dengan jayanya walaupun menempuhi pelbagai dugaan dan rintangan. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada Dr. Rohayati Junaidi selaku penyelia saya di atas kesabaran, sokongan, nasihat dan bimbingan yang diberikan banyak membantu kepada kejayaan dalam penghasilan disertasi ini. Segala bantuan, semangat dan kebijaksanaan beliau telah banyak mengajar saya untuk menjadi seorang pengkaji baik dan mengikut prosedur yang betul. Ribuan terima kasih kepada kedua-dua ibu bapa yang saya hormati Encik Clement anak Jandong dan Puan Bibiana/p Sambon yang sentiasa memberi dorongan, doa, semangat dan kasih sayang yang amat saya perlukan pada waktu penulisan disertasi ini hingga selesai. Akhir kata, ucapan terima kasih juga kepada para sahabat yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam memberikan sumbangan cadangan dan bantuan dalam menyiapkan penulisan disertasi ini. Semoga kajian ini dapat dijadikan saluran ilmu yang berguna untuk dijadikan inspirasi generasi akan datang.



ABSTRAK

Prosa Moden merupakan karya sastra dalam Bahasa Melayu yang bebas dalam ciptaan, menggambarkan pengalaman, pemikiran, situasi, persoalan isu atau kehidupan sebenar diekspresi melalui tulisan karya. Prosa Moden dihasilkan oleh pengarang melalui pemikiran, mesej, pengalaman dengan kreatif. Memahami makna tersirat, tanda atau simbol dalam penceritaan karya bukan sesuatu yang mudah sekiranya hanya dilakukan dengan pembacaan sahaja. Oleh itu, kajian ini memperkenalkan Teknik Pemikiran Kreatif Simbol Syiling dalam Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PDPC) untuk mengkaji prosa Moden Kesusasteraan Melayu Komunikatif (KMK) tingkatan enam. Kajian ini dilakukan kepada empat buah prosa terpilih dalam buku *Permata Sastra Melayu* (2012) dan pembangunan Teknik Pemikiran Kreatif Simbol Syiling menggunakan Model ADDIE (1975) dan teori semiotik oleh Roland Barthes (1970). Kaedah penyelidikan campuran digunakan namun kaedah penyelidikan kualitatif dengan reka bentuk kajian lapangan dijadikan sebagai asas kajian. Instrumen kajian ialah borang soal selidik dan senarai semak. Kajian dijalankan di sebuah Kolej Tingkatan Enam Zon, Sarawak. Hasil kajian mendapati bahawa Teknik Pemikiran Kreatif Simbol Syiling perlu untuk membantu guru dalam proses Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PDPC). Selain itu, teknik ini juga membantu pelajar untuk memahami makna tersirat dalam teks prosa moden dengan lebih cepat dan berkesan. Kajian ini, memberikan impak positif dalam menyumbangkan teknik pengajaran dan pembelajaran yang berkesan serta boleh membantu merungkai makna tersirat dalam pembelajaran teks prosa Melayu.

TEKNIK PEMIKIRAN KREATIF SIMBOL SYILING IN LEARNING AND FACILITATION (PDPC) IN STUDYING MALAY PROSE OF FORM 6

ABSTRACT

Modern prose is a literary work in Malay that is free in creation, describing experiences, thoughts, situations, issues, or real life expressed through the writing of the work. Modern prose is produced by the author through thought, message, and experience with creativity. Understanding the implicit meanings, signs, or symbols in the narrative of a work is not an easy thing if it is done only by reading. Therefore, this study introduces the “Teknik Pemikiran Kreatif Simbol Syiling Dalam Pembelajaran Dan Pemudahcaraan (PDPC) Untuk Mengkaji Prosa Moden Kesusasteraan Melayu Komunikatif (KMK) Tingkatan Enam”. This study was conducted on four pieces of prose selected in the books *Permata Sastera Melayu* (2012), Development of the “Teknik Pemikiran Kreatif Simbol Syiling” of using the ADDIE Model (1975), and Semiotic Theory by Roland Barthes (1970). Mixed research methods are used, but qualitative research methods with a field study design are used as the basis of the study. The study instrument is a questionnaire and a checklist. The study was conducted at “Kolej Tingkatan Enam Zon Sarawak”. The results of the study found that the creative thinking techniques of the coin symbols were needed to help teachers in the process of learning and improvement (PDPC). In addition, this technique also helps students understand the implicit meaning in modern prose texts more quickly and effectively. This study has a positive impact on contributing to effective teaching and learning techniques and can help shape implicit meaning in the learning of Malay prose texts.

**KANDUNGAN****Muka Surat**

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SINGKATAN	xiii
SENARAI LAMPIRAN	xiv



BAB 1	Pengenalan	
1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar Belakang	2
1.3	Pernyataan Masalah	8
1.4	Objektif Kajian	11
1.5	Persoalan Kajian	12
1.6	Definisi Operasional	13
1.6.1	Teknik	13
1.6.2	Pemikiran	13
1.6.3	Teknik Pemikiran	14
1.6.4	Kreatif	14
1.6.5	Simbol Syiling	15
1.6.6	Teknik Pemikiran Kreatif Simbol Syiling	15





1.6.7	Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PDPC)	16
1.6.8	Prosa Melayu	16
1.7	Batasan Kajian	17
1.7.1	Lokasi	17
1.7.2	Responden	18
1.7.3	Teks Karya	18
1.7.4	Kod Simbolik, Teori Semiotik, Roland Barthes (1970)	18
1.8	Kepentingan Kajian	19
1.8.2	Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM)	19
1.8.3	Guru	20
1.8.4	Pelajar Tingkatan Enam	20
1.9	Rumusan	21

BAB 2

TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pendahuluan	22
2.2	Kajian Lepas Berkaitan Teknik Pengajaran Dalam Pendidikan	23
2.3	Kajian Lepas Berkaitan Kesusasteraan Melayu Komunikatif	27
2.4	Kajian Lepas Berkaitan Teori Semiotik	31
2.5	Kajian Lepas Berkaitan Model ADDIE	33
2.6	Rumusan	34

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	36
3.2	Pendekatan Kajian	37
3.2.1	Kajian Lapangan	37
3.2.2	Teori Semiotik, Roland Barthes (1970)	38
3.2.3	Model ADDIE, Rosset (1987)	38
3.2.4	Teknik Pemikiran Kreatif Simbol Syiling	40
3.3	Populasi/Sampel Kajian	41



3.4	Instrumen Kajian	42
3.4.1	Soal Selidik	43
3.4.2	Temu bual	43
3.4.3	Analisis Dokumen	44
3.4.4	Senarai Semak	44
3.4.5	Buku rujukan dan Internet	44
3.5	Kajian Rintis	45
3.6	Kesahan dan Kebolehpercayaan	46
3.7	Prosedur Pengumpulan Data	48
3.7.1	Soal Selidik	49
3.7.2	Temu Bual	50
3.8	Kedah Menganalisis data	50
3.9	Rumusan	51

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pendahuluan	52
4.2	Keperluan Teknik Dalam Membantu Pembelajaran Dan Pemudahcaraan (PDPC) Mengkaji Makna Tersirat Dalam Empat Buah Teks Terpilih Prosa Melayu	51
4.3	Reka Bentuk Teknik Pemikiran Kreatif Simbol Syiling Berdasarkan Ciri-Ciri Kod Simbolik dalam Teori semiotik oleh Roland Barthes (1970)	61
4.4	Kesan Pelaksanaan Teknik Pemikiran Kreatif Simbol Syiling Dalam Membantu Pelajar Berfikiran Kreatif Merungkai Makna Tersirat Dalam prosa Melayu	70
4.5	Rumusan	75

BAB 5 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

5.1	Perbincangan	77
5.2	Perbincangan Keperluan Teknik Pembelajaran bagi membantu Proses Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PDPC) Merungkai Makna Tersirat dalam Teks Terpilih <i>Permata Sastera Melayu</i> (2012)	83

5.3	Perbincangan Reka Bentuk Teknik Pemikiran Kreatif Simbol Syiling Berdasarkan Ciri-Ciri Kod Simbolik dalam Teori semiotik oleh Roland Barthes (1970)	84
5.4	Perbincangan Pelaksanaan Teknik Pemikiran Kreatif Simbol Syiling dalam Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PDPC) Merungkai Makna Tersirat dalam Teks Terpilih <i>Permata Sastera Melayu</i> (2012)	86
5.5	Cadangan Kajian	82
5.6	Kesimpulan	83
RUJUKAN		86



SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
3.1	Julat Pekali Alpha Cronbach	47
3.2	Analisis ujian kebolehppercayaan	47
4.1	Analisis kajian keperluan teknik dalam membantu pembelajaran dan pemudahcaraan(PDPC) mengkaji makna tersirat dalam empat buah teks terpilih prosa Melayu.	58
4.2	Reka bentuk Teknik Pemikiran Kreatif Simbol Syiling berdasarkan ciri-ciri kodsimbolik, dalam teori semiotik, Roland Barthes (1970)	61
4.3	Aplikasi Teknik Pemikiran Kreatif Simbol Syiling berdasarkan kod simbolik teori semiotik, Roland Barthes (1970) terhadap empat buah teks terpilih Permata SasteraMelayu (2012)	64
4.4	Kesan Pelaksanaan Teknik Pemikiran Kreatif Simbol Syiling dalam membantu pelajarberfikir kreatif merungkai makna tersirat dalam prosa Melayu	72



SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
3.1.	Corak penggunaan Teori Semiotik dan Model ADDIE dalam membantu pembangunan Teknik Pemikiran Kreatif Simbol Syiling dalam PDPC untuk mengkaji Prosa Melayu KMK, tingkatan enam	39
3.2.	Cara penggunaan Teknik Pemikiran Kreatif Simbol Syiling setelah di adaptasi daripada Teori Semiotik, Roland Barthes (1970)	41

SENARAI SINGKATAN

DSKP	Dokumen Standard Kurikulum Dan Pentaksiran
JPBM	Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu
KBAT	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi
KMK	Kesusasteraan Melayu Komunikatif
KOMSAS	Komponen Sastera
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
KSSM	Kurikulum Standard Sekolah Menengah
KSSR	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
PDPC	Pembelajaran Dan Pemudahcaraan
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
SPSS	<i>Statistical Package For Social Science</i>
TASKA	Taman Asuhan Kanak-Kanak
TPKSS	Teknik Pemikiran Kreatif Sumbol Syiling
UNICEF	<i>United Nations International Children's Emergency Fund</i>
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris



SENARAI LAMPIRAN

- A Surat Kelulusan Melaksanakan Kajian (eRAS)
- B Surat Kelulusan Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak
- C Halaman Borang Soal Selidik
- D Surat Pengesahan Status Pelajar
- E Surat Pengesahan Pelajar Membuat Penyelidikan



BAB 1

PENGENALAN

Kajian ini memperkenalkan Teknik Pemikiran Kreatif Simbol Syiling dalam Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PDPC) untuk mengkaji Prosa Moden Kesusasteraan Melayu Komunikatif (KMK) tingkatan enam. Kajian ini dilakukan kepada empat buah prosa terpilih dalam buku *Permata Sastera Melayu* (2012) dan pembangunan Teknik Pemikiran Kreatif Simbol Syiling menggunakan Model ADDIE (1975) dan teori semiotik oleh Roland Barthes (1970). Kajian dilakukan untuk membuktikan potensi bahawa Teknik Pemikiran Kreatif Simbol Syiling mampu membantu guru dalam proses Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PDPC) serta membantu pelajar untuk memahami makna tersirat dalam teks prosa moden dengan lebih cepat dan berkesan. Kajian ini dilaksanakan untuk menyumbangkan teknik pengajaran dan pembelajaran yang berkesan serta boleh membantu merungkai makna

tersirat dalam pembelajaran teks prosa moden.

1.2 Latar Belakang

Teknik Pemikiran Kreatif Simbol Syiling ialah sebuah teknik pemikiran yang berupaya mencetuskan pemikiran kreatif dalam diri pelajar agar mampu untuk melihat pelbagai perspektif dalam sudut pembacaan karya. Teknik ini digelar simbol syiling kerana akan menggunakan ilustrasi teknik pemikiran yang menggunakan permukaan syiling iaitu bahagian hadapan dan belakang sebagai “penanda” dan “petanda” dalam teks. Penghasilan teknik ini bertujuan membantu guru dalam Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PDPC) di kelas dan juga membolehkan pelajar dalam merungkai makna teks yang dibaca oleh mereka.

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan teks utama kajian iaitu Buku *Permata Sastera Melayu* (2012). Buku *Permata Sastera Melayu* (2012) merupakan buku mata Pelajaran Kesusasteraan Melayu Komunikatif (KMK) (922) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) bagi peperiksaan mulai sesi 2012/2013 hingga kini. Buku ini merupakan sebuah buku yang diselenggara oleh Majlis Peperiksaan Malaysia(MPM). Dalam buku *Permata Sastera Melayu* (2012) ini terdapat beberapa teks yang terpilih melalui proses pemilihan dan pertimbangan yang rasional daripada sebuah jawatankuasa berautoriti. Teks yang terpilih sudah pasti menepati kriteria yang dapat menimbulkan minat pelajar terhadap bidang Kesusasteraan Melayu. Justifikasi pemilihan buku ini sebagai teks utama untuk dikaji kerana teks dalam buku ini telah memenuhi kriteria utama sebagai bahan yang mampu menjadi soalan tepat kepada

soalan peperiksaan mata Pelajaran KMK dan juga menjadi bahan bacaan sesuai dengan kebolehan serta standard pelajar. Buku ini mengandungi teks puisi dan prosa sastera Melayu tradisional dan moden.

Karya dalam buku *Permata Sastera Melayu* (2012) mampu untuk mencungkil minat dan pengetahuan pelajar dalam aspek ekstrinsik dan intrinsik dalam mengenali teks dengan lebih mendalam lagi. Oleh itu, teks dalam buku ini memerlukan teknik yang boleh membantu guru mengajar dengan lebih mudah untuk kefahaman para pelajar. Selain itu, para pelajar juga berupaya merungkai makna penceritaan dalam teks buku *Permata Sastera Melayu* (2012). Berdasarkan model pendidikan Taksonomi Bloom bahagian dimensi proses kognitif mengenai penguasaan pelajar dalam menganalisis yang membolehkan mereka berupaya untuk menguraikan, kategorikan dan menemukan makna tersirat.

Pelajar perlu mempunyai kemahiran mentafsir sesebuah makna yang tersirat bagi menguasai sepenuhnya isi pembelajaran, contoh dalam mengetahui makna tersirat dalam Prosa Melayu KMK, tingkatan enam. Oleh itu, Teknik Pemikiran Kreatif Simbol Syiling diperkenalkan untuk menjadi salah satu caratau teknik untuk membantu pelajar membuat tafsiran makna tersirat dalam Prosa Melayu KMK.

Teknik Pemikiran Kreatif Simbol Syiling ialah teknik yang menggunakan ilustrasi duit lima puluh sen negara Malaysia sebagai simbol untuk mencetuskan pemikiran kreatif dalam diri pelajar tingkatan enam agar mampu untuk melihat pelbagai perspektif semasa membaca Prosa Melayu. Edward De Bono (1992) menjelaskan bahawa menjadi kreatif adalah mewujudkan sesuatu yang belum pernah ada iaitu



sesuatu yang baru dan mempunyai nilai. Teknik ini digelar simbol syiling kerana akan menggunakan ilustrasi teknik pemikiran yang menggunakan permukaan syiling iaitu bahagian hadapan dan belakang sebagai “penanda” dan “petanda” dalam teks. Pengaplikasian teknik pembelajaran yang sesuai dapat membantu keberkesanan pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas.

Kerelevanan penggunaan duit Syiling nilai lima puluh sen negara Malaysia merujuk kepada keunikan motif yang digunakan dalam kedua-dua permukaan hadapan serta belakang reka bentuk duit syiling lima puluh sen tersebut. Ilustrasi duit syiling lima puluh sen yang digunakan ialah lima puluh sen siri ketiga (2012) yang mempunyai motif sulur kacang. Ukiran yang unik seperti juntaian pokok kacang menyerlahkan bahawa motif tersebut amat terkenal kerana sering digunakan oleh para pengukir Malaysia dan imej pendam iaitu garisan halus pada latar belakang yang merupakan sebahagian daripada ciri keselamatan dan akan lebih kelihatan apabila duit syiling tersebut disendengkan. Keunikan reka bentuk ini telah membuatkan kajian mengambil keputusan untuk membawa ilustrasi duit syiling lima puluh sen sebagai contoh kepada kajian semasa kajian lapangan dijalankan. Harapan untuk menarik minat pelajar dengan perkaitan simbol duit syiling dengan karya yang mereka kaji dalam prosa Melayu.

Permata Sastera Melayu (2012) telah dimuatkan oleh penulis dengan pelbagai gaya bahasa dan menyukarkan pelajar untuk memahami dengan jelas jalur cerita yang ingin disampaikan. Arif Mohammad (2016, p.103) menyatakan bahawa novel merupakan sebuah genre Prosa Melayu yang menyampaikan makna-makna melalui keseluruhan penceritaan, perwatakan, latar, peristiwa dan berbagai-bagai lagi secara langsung dan tersirat. Oleh hal yang demikian, Teknik Pemikiran Kreatif Simbol





Syiling dalam pengajaran dan pembelajaran prosa Melayu dapat membantu para pelajar merungkai makna tersirat yang digarap dalam prosa Melayu tersebut.

Teknik pemikiran Kreatif Simbol Syiling dibangunkan dengan berdasarkan ciri-ciri kod simbolik dalam teori semiotik, Roland Barthes (1970). Semiotika ialah sebuah ilmu yang mengkaji tanda. Barthes telah memberi erti bahawa setiap simbol dan tanda tidak hanya membawa informasi tetapi memberikan bahasa dalam kehidupan sosial masyarakat. Setiap kehidupan sosial disekeliling mempunyai sebuah sistem tanda tersendiri (Kurniawan, 2001:53). Secara harafiah, teori semiotika Barthes diturunkan melalui teori De Saussure yang turut mengungkapkan tentang sistem tanda. (s miologie; Saussure, 1972: 33). Namun dalam pandangan Saussure, Barthes cenderung kepada fokus hubungan penanda dan petanda yang mampu untuk mengungkapkan suatu pemaknaan yang pelbagai daripada sebuah petanda (Budiman, 2001:28). Barthes telah memperkenalkan lima jenis kod iaitu kod hermeneutik, kod seme, kod simbolik, kod aksi dan kod budaya. Jadi, dalam kajian kali ini akan difokuskan hanya kepada kod simbolik. Hal ini demikian kerana berketepatan dengan simbol-simbol yang terdapat teks karya terpilih kajian.

Roland Barthes (1970) telah menggariskan dalam kod simbolik mempunyai tiga ciri. Pertama, kod simbolik ini akan menghasilkan makna yang pelbagai untuk sesuatu simbol dan makna terbalik iaitu makna yang lain selain simbol yang dikemukakan. Kedua, kod simbolik akan melahirkan makna yang bertentangan dari simbol yang diperlihatkan. Ketiga ialah kod simbolik melahirkan makna yang bertentangan membolehkan pelbagai tafsiran diberikan kepada sesuatu tanda. Kod simbolik berkaitan dengan segala pertentangan dan antitesis yang memperlihatkan nilai dan ‘pembalikan’



(Sohaimi Abdul Aziz, 2014, p.20).

Teknik Pemikiran Kreatif Simbol Syiling dibangunkan menggunakan Model ADDIE oleh Rosset (1987) dan telah menjadi asas kepada model-model reka bentuk kepada pengajaran yang lain. Lima peringkat Model ADDIE iaitu *analysis* (analisis), *design* (reka bentuk), *development* (pembangunan), *implementation* (pelaksanaan) dan *evaluation* (penilaian). Namun, Teknik Pemikiran Kreatif Simbol Syiling berdasarkan Model ADDIE dibataskan kepada tiga fasa, iaitu *analysis* (analisis), *design* (reka bentuk), *development* (pembangunan). Teknik Pemikiran Simbol Syiling melalui fasa *analysis* (analisis), iaitu proses penentuan serta mengenal pasti masalah seperti analisis terhadap pelajar, persekitaran pembelajaran dan analisis kenal pasti matlamat pengajaran dalam merungkai makna teks prosa Melayu.

Fasa *design* (reka bentuk) dalam Teknik Pemikiran Kreatif Simbol Syiling melibatkan pemilihan reka bentuk, pendekatan teori, struktur, jenis media dan teknologi pengajaran. *Design* (reka bentuk) penting dalam pembentukan matlamat yang ingin dicapai dalam sesebuah pengajaran dan pengajaran seperti aplikasi Teknik Pemikiran Kreatif Simbol Syiling dalam mengkaji siratan makna prosa Melayu oleh para guru dan pelajar.

Seterusnya, fasa *development* (Pembangunan) melibatkan hubung kait fasa analisis dan reka bentuk. Teknik Pemikiran Kreatif Simbol Syiling membantu para pelajar dalam merungkai makna tersirat prosa Melayu. Justeru, kajian ini dilakukan untuk memperlihatkan teknik mengkaji teks tersirat dalam prosa Melayu.



Sukatan Pelajaran Kesusasteraan Melayu Komunikatif (KMK) telah digubal untuk menggantikan Sukatan Pelajaran Kesusasteraan Melayu yang telah digunakan semenjak peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) pada tahun 2003 dengan peperiksaan pertama pada tahun 2004. Sukatan baharu ini telah dimulai pada tahun 2012 dan fokus utama untuk mempertingkatkan pengetahuan pelajar tentang Kesusasteraan Melayu komunikatif melalui tiga bahagian iaitu penghayatan sastra, bina insan dan Pembangunan kreativiti. Dalam aspek penghayatan iaitu pembelajaran berfokus kepada analisis teks prosa dan puisi Melayu. Aspek sastra dan pembangunan pula berdasarkan teks karya agung dan novel terpilih. Bahagian aspek kreativiti memberi fokus kepada penulisan kreatif, pengurusan dan multimedia dalam sastra. Dalam sukatan Pelajaran baharu ini teks kajian dibahagikan kepada tiga penggal iaitu penggal pertama fokus kepada buku *Permata Sastra Melayu* (2012). Penggal kedua, fokus kepada buku sejarah Melayu iaitu Sulalatus Salatin dan novel moden iaitu Saudagar Besar dari Kuala Lumpur dan penggal ketiga fokus kepada penggunaan ketiga-tiga teks kajian mengikut kesesuaian.

Bagi mencapai penguasaan terbaik dalam mengkaji makna tersirat prosa, Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PDPC) untuk subjek Kesusasteraan Melayu Komunikatif (KMK) hendaklah bercorak kreatif dan relevan. Teknik pembelajaran yang diperkenalkan perlu mampu menarik minat pelajar untuk mengikuti proses pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan di dalam kelas. Amin Senin (2018) menyatakan bahawa subjek KMK harus dipersembahkan dengan gaya yang baharu serta penekanan penggunaan teknik yang kreatif.





1.3 Pernyataan Masalah

Tiga pernyataan masalah yang menyebabkan kajian ini perlu dikupas dan dikembangkan iaitu keperluan teknik yang menarik untuk pelajar mengupas isi prosa Melayu. Kedua, kesukaran pelajar untuk mentafsir makna tersirat dalam karya prosa Melayu. Ketiga ialah potensi menjadi sumbangan kepada penyelidikan mengenai teknik baharu dalam membantu pelajar merungkai pelbagai makna dalam teks karya kajian.

Pelaksanaan Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PDPC) secara berkesan dalam kelas merupakan kemahiran pedagogi yang boleh membantu dalam mengukur kualiti pengajaran seseorang guru dan penerimaan pembelajaran oleh pelajar. Prosa Melayu antara isi pembelajaran yang memerlukan para pelajar membuat pembacaan berulang-ulang kali bagi memahami mesej yang disampaikan dalam teks karya.

Keperluan teknik menarik untuk para pelajar boleh mengupas isi prosa Melayu amatlah penting untuk tahap penguasaan pembelajaran yang berkualiti oleh seseorang pelajar terutamanya pelajar tingkatan enam yang mengambil subjek KMK dalam penggal pertama mereka. Rahman Shaari (1989) turut menyatakan bahawa guru boleh memilih kaedah dan teknik yang difikirkan sesuai untuk melaksanakan PdP yang menarik dalam kelas menunjukkan bahawa mata pelajaran KMK belum mempunyai teknik atau kaedah berkesan yang membantu merungkai makna tersirat dalam prosa Melayu.





Ekoran daripada masalah itu, sudah pasti memerlukan guru untuk mencari dan menyediakan bahan pengajaran mengikut kreativiti dalam membantu para pelajar mereka dalam memahami teks tersirat yang terdapat dalam prosa Melayu KMK. Ketiadaan teknik atau kaedah yang khusus boleh menyebabkan corak pengajaran tidak konsisten serta input pembelajaran juga tidak mencapai tahap memuaskan serta boleh menjejaskan pencapaian diri pelajar.

Menurut Abdul Talib Hashim, Amir Hasan Dawi, Hamidah Yusof dan Zahari Suppian (2012), hasil kajian terdahulu yang tidak konsisten dan juga penyelidikan yang kurang dilakukan untuk mengenal pasti gaya pembelajaran pada peringkat tingkatan enam. Selain itu, guru harus mengenal pasti teknik yang berkesan dalam mengajar tingkatan enam berdasarkan faktor-faktor situasi semasa seperti faktor diri pelajar dan masa pembelajaran para pelajar. Oleh itu, diharapkan dengan potensi Teknik Pemikiran Kreatif Simbol Syiling menjadi salah satu cara atau teknik untuk mengkaji teks tersirat dalam prosa Melayu, KMK tingkatan enam dengan lebih mudah. Berpanduan Teknik Pemikiran Kreatif Simbol Syiling, para guru boleh mengajar para pelajar untuk mentafsir makna tersirat dengan lebih mudah. Selain itu, melalui penggunaan Teknik Pemikiran Kreatif Simbol Syiling, para pelajar juga boleh membuat tafsiran sendiri tanpa bergantung dengan guru.

Kedua ialah masalah kurang minat para pelajar untuk membaca teks prosa Melayu. Kajian Sunita Itang dan Che Yusrina Soh (2018), menunjukkan bahawa pelajar kurang berminat membaca buku prosa walaupun berjaya menghabiskan pembacaan namun mereka mudah lupa mengenai ringkasan cerita sesebuah prosa kerana guru hanya menggunakan nota edaran sinopsis kepada pelajar. Perkara ini menyebabkan





pelajar mengalami masalah dalam mengetahui makna tersirat dalam teks prosa. Sekali lagi permasalahan ini berderetan daripada keperluan kaedah PDPC yang menarik dalam bilik darjah. Menurut Hazami Jahari (2001) menyatakan bahawa sebahagian besar gurudan pelajar menganggap kurikulum sastera yang dilaksanakan di sekolah menengah adalah kurang berkesan serta memerlukan penambahbaikan dalam isi kandungan sastera dan cara pengajaran guru perlu pelbagai teknik yang khusus untuk membolehkan pelajar menguasai sesebuah subjek secara optimum.

Oleh itu, sesuai dengan penggunaan simbol dalam teks *Permata Sastera Melayu* (2012) yang digunakan oleh penulis dalam menyampaikan makna penceritaan yang sudah pasti membangkitkan persoalan makna tersurat dan tersirat. Justeru, penggunaan Teknik Pemikiran Kreatif Syiling dalam pengajaran dan pembelajaran mencari makna penanda dan petanda dalam prosa Melayu akan menjadi alat bantu pelajar memahami makna tersirat dalam prosa Melayu.

Ketiga ialah potensi menjadi sumbangan kepada penyelidikan mengenai teknik baharu dalam membantu pelajar merungkai pelbagai makna dalam karya kajian. Kebanyakan hasil kajian yang berkaitan dengan kesusasteraan hanyalah mengupas tentang bahagian dalaman keperluan sastera atau perspektif dunia terhadap sastera namun penyelidikan mengenai solusi amatlah kurang. Kajian yang menjurus kepada teknik mempelajari sastera dengan mudah atau teknik membedah karya sastera amat kurang diberi perhatian. Pengenalan karya sastera dalam dunia luar juga amat kurang terutamanya di negara kita sendiri. Sasterawan Negara, Prof. Dr. Siti Zainon Ismail pernah berkata bahawa pihak yang bertanggung jawab di negara ini termasuk akhbar masih lemah dari sudut mempromosi dan memperkenalkan karya sastra kepada





khalayak ramai. Tambahan pula dengan sikap pelajar zaman sekarang amat kurang membaca ilmu kesusasteraan menjadi punca tidak tercetus untuk mencari teknik khusus yang boleh membantu memahami karya sastera. Rahman (2018) berkata, golongan ini lebih banyak membaca kandungan dalam blog, dan melayari media sosial seperti Facebook.

Justeru itu, kajian ini melihat potensi Teknik Pemikiran Kreatif Simbol Syiling untuk membantu pelajar merungkai pelbagai makna dalam karya. Berpandukan Teknik Pemikiran Kreatif Simbol Syiling para guru boleh mengajar para pelajar untuk mengkaji makna tersirat dengan lebih mudah dan menarik. Pengaplikasian teknik pembelajaran yang bersesuaian dapat membantu pelajar mengkaji karya sastera dengan baik dengan bimbingan minimum daripada guru.



1.4 Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan,

- I. Mengenal pasti analisis keperluan Teknik Pembelajaran bagi membantu Proses Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PDPC) merungkai makna tersirat dalam teks terpilih *Permata Sastera Melayu* (2012).
- II. Cara reka bentuk Teknik Pemikiran Kreatif Simbol Syiling dibangunkan berdasarkan ciri-ciri kod simbolik dalam teori semiotik oleh Roland Barthes (1970).



- III. Melaksanakan Teknik Pemikiran Kreatif Simbol Syiling dalam Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PDPC) merungkai makna tersirat bagi teks terpilih *PermataSastera Melayu* (2012).

1.5 Persoalan Kajian

- I. Apakah keperluan mengenal pasti analisis keperluan teknik dalam membantu proses Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PDPC) makna tersirat dalam empat buah teks terpilih dalam prosa Melayu buku teks *Permata Sastera Melayu* (2012)?
- II. Bagaimanakah reka bentuk Teknik Pemikiran Kreatif Simbol Syiling berdasarkan ciri-ciri kod simbolik dalam teori semiotik oleh Roland Barthes (1970) dibangunkan?
- III. Bagaimanakah Teknik Pemikiran Kreatif Simbol Syiling yang dibangunkan berdasarkan kriteria Model ADDIE dalam Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PDPC) prosa Melayu dilaksanakan?

1.6 Definisi Operasional

1.6.1 Teknik

Teknik merupakan sebuah pengendalian yang sistematik untuk mencapai sesebuah objektif. Dalam bidang pendidikan, teknik amat penting dalam kaedah Pembelajaran Dan Pemudahcaraan (PDPC) untuk digunakan oleh guru menyampaikan bahan-bahan pengajaran yang terpilih untuk para pelajar. Jadi, Teknik Pemikiran Kreatif Simbol Syiling diperkenalkan untuk membantu guru sebagai wahana dalam bilik darjah mengajar makna tersirat dalam prosa Melayu untuk subjek KMK. Oleh itu, teknik ini diperkenalkan untuk membantu guru mengajar dengan lebih mudah dan melalui teknik ini para pelajar juga mampu untuk faham sekiranya disampaikan dengan cara yang tepat.

1.6.2 Pemikiran

Pemikiran merupakan sebuah proses iaitu aktiviti ilmu dan kefahaman yang melibatkan fungsi otak manusia. Selain itu, pemikiran adalah sebuah proses yang menggunakan minda untuk mencari pelbagai makna dan penyelesaian terhadap sesuatu masalah yang timbul dengan menggunakan pelbagai cara dan kaedah. Teknik Pemikiran Kreatif Simbol Syiling juga merupakan sebuah teknik yang boleh membantu guru dan pelajar untuk berfikir dengan kreatif dalam merungkai makna tersirat teks karya kerana teknik ini dapat merangsang fungsi otak untuk mentafsir penggunaan perkataan atau simbol

dalam karya.

1.6.3 Teknik Pemikiran

Teknik pemikiran merupakan sebuah aktiviti ilmu penggunaan fungsi otak manusia yang melibatkan sesebuah cara yang dikendalikan secara sistematik. Teknik Pemikiran Kreatif Simbol Syiling merupakan sebuah cara untuk merangsang aktiviti ilmu dalam membantu guru mengajar merungkai makna tersirat dalam teks karya. Melalui penggunaan teknik ini, para guru akan lebih mudah mengendalikan bilik darjah semasa proses Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PDPC) kerana mempunyai sebuah teknik pemikiran yang sistematik untuk mengajar para pelajar.

1.6.4 Kreatif

Kreatif merujuk kepada kebolehan untuk mengembangkan sesebuah idea baru. Melalui daya kreatif dapat menimbulkan sesebuah kreativiti iaitu kemahiran yang diasah melalui teknik dan kaedah tertentu. Teknik Pemikiran Kreatif Simbol Syiling juga merupakan sebuah teknik yang diperkenalkan untuk membantu mengembangkan idea dalam diri pelajar dalam mentafsir makna tersirat karya kajian subjek KMK tingkatan enam. Melalui teknik ini, kemahiran berfikir kreatif dapat diasah dalam diri pelajar seterusnya melahirkan pelajar yang mampu melihat pelbagai perspektif.

1.6.5 Simbol Syiling

Simbol Syiling merujuk kepada simbol duit syiling negara Malaysia. Simbol merupakan sesuatu yang mewakili atau menjelaskan tentang sebuah bentuk. Simbol juga boleh menjadi penanda dari suatu objek. Dalam kajian ialah penggunaan simbol duit syiling negara Malaysia yang bernilai 50 sen dan simbol syiling merujuk kepada “penanda” dan “petanda” untuk memberikan ilustrasi bertulis mengenai sesuatu perkara yang tersirat. Penanda ialah perkara yang hendak dihuraikan manakala petanda ialah maksud daripada perkara yang hendak dihuraikan sebagai penanda tadi. Berdasarkan kajian, simbol syiling ini perkaitan boleh dilihat dalam kajian melalui simbol yang dinyatakan dalam teks prosa moden terpilih simbolik kepada makna tertentu. Jadi, Teknik Pemikiran Kreatif Simbol Syiling dapat membantu dalam memudahkan pelajar berfikir secara kreatif bahawa setiap penyampaian dalam karya mempunyai perspektif yang berbeza mengikut pendirian pembaca terhadap karya.

1.6.6 Teknik Pemikiran Kreatif Simbol Syiling

Teknik Pemikiran Kreatif Syiling merupakan satu nama untuk sebuah teknik yang dicadangkan untuk tidak terpisah kerana ini merupakan teknik yang akan diuji menggunakan menggunakan analisis “penanda” dan “petanda” kelak dengan menggunakan karya prosa Melayu *Permata Sastera Melayu* (2012). Penggunaan Teknik Pemikiran kreatif Syiling berpandukan teori semiotik, kod simbolik Roland Barthes (1970) dan simbol duit syiling Negara Malaysia yang mempunyai bahagian hadapan dan belakang yang dirujuk dengan definisi “penanda” dan “petanda”. Teknik

ini membantu pelajar berfikir kreatif dalam merungkai makna tersirat dalam teks kajian.

1.6.7 Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PDPC)

Pembelajaran merujuk kepada proses mendapatkan maklumat serta penguasaan manakala pemudahcaraan merujuk kepada orang yang memudahkan sesebuah proses perkongsian ilmu berfokus kepada teknik yang membantu guru mengajar mengkaji prosa Melayu dengan lebih mudah iaitu Teknik Pemikiran Kreatif Simbol Syiling. Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PDPC) menjadi pengukur kualiti pelaksanaan PDPC di dalam kelas atau di luar kelas. PDPC fokus kepada peranan guru sebagai perancang, pembimbing, pendorong, penilai dan pembimbing kepada murid untuk menjadikan pembelajaran dan perkongsian maklumat yang diajar menjadi pengajaran yang berkesan. PDPC yang berkesan pasti mampu untuk mengembangkan potensi kecemerlangan optimum diri pelajar.

1.6.8 Prosa Melayu

Prosa Melayu merupakan karya sastera dalam Bahasa Melayu yang bebas dalam ciptaan, menggambarkan pengalaman, pemikiran, situasi, persoalan isu atau kehidupan sebenar dalam bentuk tulisan karya bagi menyampaikan mesej yang tersirat. Mempunyai ciri-ciri bebas, mesej tersirat, keterbukaan dan kreatif. Memberi kebebasan kepada pengarang untuk tidak dibataskan dengan struktur, tema, perbendaraan kata,

penggunaan ayat, jalan cerita dan sebagainya semasa menghasilkan karya. Prosa Melayu dihasilkan oleh pengarang melalui pemikiran, mesej, pengalaman dengan kreatif. Menurut Athiqa Shakri (2022) karya lebih bersifat terbuka daripada prosa tradisional apabila banyak karya diselit dengan isu-isu atau persoalan sensitif.

Kajian ini mempunyai empat prosa Melayu terpilih iaitu Usia Emas (Abdullah Hussain), Mitos Secekak Kertas Tisu (S.Othman Kelantan), Melankoli di atas Rumpun (Fatimah Busu) dan Anak-anak yang bergelimpangan (Noorjaya) dalam buku *Permata Sastera Melayu* (2021) teks wajib pelajar tingkatan enam yang mengambil subjek KMK.

Batasan kajian merujuk kepada limitasi yang terdapat dalam kajian yang akan dikaji. Berikut merupakan penerangan skop dan had kajian:

1.7.1 Lokasi

Kolej Tingkatan Enam Zon, Sarawak. Rasional pemilihan lokasi kajian kerana sekolah tersebut menawarkan mata pelajaran Kesusasteraan Melayu Komunikatif (KMK). Selain itu, lokasi kajian yang dipilih merupakan salah satu lokasi yang menempatkan khusus untuk pelajar tingkatan enam sahaja di Zon Sarawak



1.7.2 Responden

Kajian ini dijalankan dalam kalangan pelajar tingkatan enam yang mengambil subjek Kesusasteraan Melayu Komunikatif seramai 35 orang pelajar. Bagi mendapatkan maklumat kajian, pelajar akan menjawab beberapa soalan dalam soal selidik.

1.7.3 Teks Karya

Teks kajian yang digunakan ialah empat buah teks prosa Melayu dalam buku teks *Permata Sastera Melayu* (2012) tingkatan enam, cetakan ketujuh oleh Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur. Empat buah teks prosa Melayu itu ialah *Usia Emas* (Abdullah Hussain), *Mitos Secekek Kertas Tisu* (S.Othman Kelantan), *Melankoli di atas Rumput* (Fatimah Busu) dan *Anak-anak yang bergelimpangan* (Noorjaya). Rasional pemilihan empat buah teks ini ialah teks cenderung kepada penggunaan simbol dan batasan masa kajian

1.7.4 Kod Simbolik, Teori Semiotik, Roland Barthes (1970)

Teori semiotik oleh Roland Barthes (1970) mempunyai lima prinsip yang terdiri daripada kod hermeneutik, kod seme, kod simbolik, kod aksi dan kod budaya. Namun kajian ini hanya membataskan penggunaan prinsip kod simbolik sahaja. Prinsip kod simbolik menekankan tiga ciri iaitu menghasilkan makna yang pelbagai untuk sesuatu simbol dan makna yang terbalik iaitu makna yang lain selain simbol yang



dikemukakan. Kedua, kod simbolik akan melahirkan makna yang bertentangan dari simbol yang diperlihatkan dan ketiga ialah, kod simbolik melahirkan makna yang bertentangan tersebut membolehkan pelbagai tafsiran diberikan kepada sesuatu tanda tersebut. Kod simbolik ini disokong oleh Sohaimi Abdul Aziz, bahawa kod simbolik berkaitan dengan segala pertentangan dan antitesis yang memperlihatkan nilai dan ‘pembalikan’ (Sohaimi Abdul Aziz, 2014, p.20)

1.8 Kepentingan Kajian

1.8.1 Pendidikan Negara

Kepentingan kajian ini kepada pendidikan negara Malaysia ialah dapat menambahkan pengetahuan mengenai isu atau jurang ilmu dalam pendidikan Malaysia. Selain itu, dapat membantu memperkembangkan ilmu pendidikan serta kefahaman dalam isu semasa yang berlaku dalam pendidikan negara Malaysia dan sekali gus dapat mempertingkatkan konsistensi penyelidikan baru untuk negara.

1.8.2 Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM)

Mata pelajaran Kesusasteraan Melayu Komunikatif (KMK) merupakan sebuah subjek milik setiap lapisan masyarakat. Jadi, peranan KPM amat penting untuk mendedahkan subjek KMK dalam dunia sebagai salah satu langkah supaya sastera Melayu tidak



hilang dari dunia ini. Penemuan baru mengenai sebuah teknik untuk membantu KPM memperkasakan kaedah Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PDPC) di sekolah dalam pengajaran subjek KMK amatlah penting untuk kecemerlangan subjek KMK dalam KPM.

1.8.3 Guru

Kajian ini penting kepada guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran secara kreatif subjek KMK terutamanya dalam mengajar makna tersirat prosa Melayu. Melalui penemuan teknik baharu dalam kajian boleh membantu guru untuk menjalankan pengajaran dengan lebih mudah serta kreatif. Secara tidak langsung turut membantu meningkatkan pemahaman pelajar terhadap makna tersirat yang dipelajari dalam prosa Melayu tingkatan enam.

1.8.4 Pelajar Tingkatan Enam

Melalui Teknik Pemikiran Kreatif Simbol Syiling yang diperkenalkan kajian, pelajar tingkatan enam boleh menggunakan teknik ini untuk belajar dan merungkai makna tersirat dalam karya prosa Melayu. Pengaplikasian teknik ini dapat menggalakkan pelajar untuk membaca prosa Melayu kerana wujud teknik khas yang membantu untuk mengkaji makna tersirat dalam teks yang dibaca.





1.9 Rumusan

PDPC merupakan salah satu kaedah penting dalam memastikan topik pembelajaran dapat disampaikan dengan baik. Hal ini dikatakan demikian kerana setiap topik pembelajaran memerlukan teknik khas yang menjadi medium sesuatu ilmu disalurkan. Perkara ini perlu ditekankan dalam teknik PDPC mata pelajaran Kesusasteraan Melayu Komunikatif terutamanya dalam mengkaji prosa Melayu. Kesusasteraan Melayu Komunikatif yang terdiri daripada prosa Melayu dan tradisional menyebabkan pelajar berasa terbeban kerana membaca banyak karya. Selain itu, karya sastera yang diajar dalam subjek KMK memerlukan tahap pemahaman yang tinggi untuk memahami makna dalam setiap karya. Oleh itu, para guru perlu kreatif dalam mengajar setiap topik pembelajaran supaya makna dalam karya sastera dapat difahami oleh pelajar. Justeru, Teknik Pemikiran Kreatif Simbol Syiling diperkenalkan supaya dapat menjadi teknik yang boleh membantu guru dan pelajar tingkatan enam dalam merungkai makna tersirat dalam prosa Melayu. Kaedah PDPC yang menarik dan kreatif dapat membantu pelajar memahami topik pembelajaran.

